

P



P

Agenda yang pada asalnya suatu proses pemilihan semula yang rutin,
menimbulkan lebih banyak persoalan berbanding jawapan.

KEJUTAN DALAM AGM KAREX

Pada Mesyuarat Agung Tahunan (AGM) ke-13 Karex Berhad yang diadakan pada 28 November 2025, pengeluar kondom terbesar dunia itu membentangkan lapan resolusi untuk pengundian, dengan tujuh daripadanya telah pun diluluskan.

Satu-satunya resolusi yang ditolak ialah “Resolusi Biasa 2” iaitu cadangan pelantikan semula Dato’ Edward Siew Mun Wai. Beliau bersara mengikut Klausa 97 dalam Perlembagaan Syarikat dan menawarkan diri untuk dilantik semula. Siew telah berkhidmat sebagai Pengarah Bukan Eksekutif Bebas (INED) Karex sejak November 2020.

Insiden yang mencetuskan perbualan hangat ini bukanlah sekadar penolakan itu, tetapi keadaan luar biasa yang berlaku di sekelilingnya. Walaupun pencalonan Siew telah disyorkan secara rasmi oleh Jawatankuasa Pencalonan dan Lembaga Pengarah sebelum AGM diadakan, beliau secara jelas disingkirkan oleh para pemegang saham. Bagaimanapun, resolusi untuk memilih semula tiga lagi INED lain diluluskan dengan sokongan sebulat suara.

Segalanya dapat dilihat daripada keputusan undian terperinci. Seramai 103 pemegang saham yang mewakili 109.04 juta saham (15.36%) mengundi menyokong Siew. Namun, 22 pemegang saham yang menguasai sebanyak 600.86 juta saham, yang bersamaan dengan 84.64% daripada jumlah saham yang mengundi, telah menyekat resolusi tersebut. Mesejnya jelas: akauntan berpengalaman itu tidak lagi mendapat sokongan daripada pemegang saham pengawal Karex.

Ironinya, beberapa jam sebelum itu, lembaga pengarah telah memberikan jaminan kepada pemegang saham bahawa mereka berpuas hati dengan struktur dan komposisi lembaga pengarah. Namun, tidak semena-mena seorang pengarah bebas kemudiannya digugurkan tidak lama selepas itu.

Susulan keputusan undian dalam AGM tersebut, Siew tidak lagi memegang jawatan sebagai pengarah Karex, Pengerusi Jawatankuasa Ganjaran (RC), serta ahli Jawatankuasa Pengurusan Risiko, Audit dan ESOS.

Latar belakang korporat yang bukan calang-calang

Siew pertama kali dilantik ke dalam lembaga pengarah Karex pada 27 November 2020 sebagai INED dan ahli Jawatankuasa Audit (AC).

Pada 29 November 2021, beliau dilantik semula sebagai Pengerusi RC dan AC, sebelum ditukar jawatannya kepada ahli pada 2 Januari 2025. Pada tarikh yang sama, beliau juga tidak lagi menjadi ahli Jawatankuasa Pencalonan (NC).

Semakan terhadap latar belakang profesional Siew menunjukkan bahawa beliau memiliki kelulusan dan pengalaman yang amat bersesuaian untuk menyandang jawatan tersebut.

Sebagai Ahli Felo Institut Akauntan Bertauliah England & Wales (ICAEW), beliau menghabiskan lebih lapan tahun dalam firma akauntan profesional di London sebelum kembali ke tanah air. Selepas tempoh yang singkat bersama sebuah bank tempatan, beliau menyertai ibu pejabat HSBC di Hong Kong.

Perjalanan karier beliau diteruskan dengan lebih 26 tahun memegang jawatan sebagai barisan eksekutif pengurusan tertinggi (*C-suite*) dalam syarikat multinasional seperti L'Oréal dan Ciba-Geigy (kini dikenali sebagai Novartis), termasuk mengurus anak syarikat di Melbourne, Seoul, Paris, Bangkok, Singapura, Jakarta, Taipei dan Hong Kong.

Selepas pulang ke Malaysia di bawah program Talent Corp, Siew berkhidmat sebagai pemangku jawatan Ketua Pegawai Eksekutif (CEO)/Ketua Pegawai Kewangan (CFO) global untuk Crabtree & Evelyn London sehinggalah syarikat tersebut dilupuskan.

Melihat dari sudut syarikat awam tersenarai, beliau pernah menjadi pengarah bebas dan Pengerusi Jawatankuasa Audit bagi sebuah syarikat perlombongan kecil yang tersenarai di Bursa Saham Australia (ASX) dari 2011 hingga 2014. Kini, Siew merupakan INED untuk Malton Bhd dan Prestar Resources Bhd.

Ringkasnya, beliau bukanlah seorang pengarah baharu yang masih mentah dalam dunia tadbir urus korporat.

Percanggahan pendapat?

Berdasarkan kelayakan dan pengalaman profesional Siew, corak pengundian jelas menunjukkan bahawa penolakan tersebut berpunca daripada keluarga pengasas dan pemegang saham pengawal, iaitu keluarga Goh.

Keluarga Goh dan saudara-mara mereka memiliki pegangan langsung sebanyak 47.08% atau 495.875 juta saham setakat 26 September 2025; satu tahap pegangan yang mencukupi untuk menentukan keputusan mana-mana resolusi biasa.

Melihat dari sudut kepentingan pemegang saham minoriti, INED memainkan peranan penting dalam sesebuah syarikat melalui pengawasan objektif mereka bagi memastikan ketelusan dan akauntabiliti, serta melindungi kepentingan pemegang saham memandangkan mereka tidak terikat dengan apa-apa hubungan yang ketara bersama pengurusan syarikat.

Oleh itu, bukan sesuatu yang luar biasa apabila INED, yang lazimnya mempunyai pengalaman berpuluh tahun dalam bidang korporat tempatan dan luar negara, mencabar atau tidak sependapat dengan pemegang saham pengawal, dan kadangkala tanpa disedari menyentuh isu sensitif.

Pengarah bebas yang juga merupakan profesional dalam bidang masing-masing serta berpengalaman luas dalam industri ini sememangnya dijangka amat memahami

kepentingan tadbir urus yang baik, pendedahan korporat yang tepat pada masanya serta pematuhan terhadap peraturan.

Golongan profesional berpengalaman, khususnya yang sudah biasa dengan piawaian tadbir urus multinasional, lazimnya amat peka dengan keperluan terhadap ketelusan, pendedahan yang tepat pada masanya serta pematuhan peraturan. Malangnya, ciri-ciri ini kadangkala tidak selari dengan struktur kawalan yang telah lama berakar umbi.

Ketegangan seumpama ini bukanlah sesuatu yang luar biasa, malah tidak semestinya tidak sihat. Dalam banyak keadaan, ia adalah kebiasaan dalam lembaga pengarah yang berfungsi dengan baik, yang mana pengarah bebas diharapkan untuk meneliti, mempersoal dan, jika perlu, menentang. Secara ideal, perbezaan ini lazimnya diselesaikan melalui perbincangan yang kukuh untuk mencapai keputusan terbaik demi kepentingan syarikat dan semua pemegang saham.

Persoalan tanpa jawapan

Justeru, mengapakah seorang INED yang tempoh perkhidmatannya belum mencecah sembilan tahun dan telah disokong oleh Jawatankuasa Pencalonan serta Lembaga Pengarah, secara tiba-tiba dianggap tidak sesuai oleh pemegang saham yang mempunyai kuasa undian penentu? Apakah yang menyebabkan mereka mengubah pendirian dalam tempoh masa yang singkat?

Adakah penolakan ini didorong oleh kebimbangan terhadap prestasi, kecekapan, komitmen atau kebebasan pengarah tersebut? Jika benar, mengapakah perkara ini tidak dibangkitkan lebih awal melalui proses penilaian Jawatankuasa Pencalonan dan lembaga?

Persoalan ini berkemungkinan besar akan terus kekal tanpa jawapan. Pemegang saham minoriti mungkin tidak akan dimaklumkan tentang sebab sebenar di sebalik penyingkiran Siew yang berlaku secara mengejut.

Apa yang jelas, keputusan undian yang tidak dijangka ini boleh ditafsirkan sebagai lebih daripada sekadar rombakan rutin komposisi lembaga. Bagi sesetengah pihak, ia mungkin satu petanda amaran awal, iaitu petunjuk bahawa tidak semuanya indah di sebalik tabir Karex.

[TAMAT]



PENDEDAHAN KEPENTINGAN

Berkenaan syarikat-syarikat yang dinyatakan, MSWG memiliki jumlah saham minimum dalam semua syarikat yang diliputi dalam buletin ini.

PENOLAKAN TUNTUTAN

Buletin ini dan isi kandungannya berserta semua hak-hak berkaitan dengannya termasuk hak cipta dimiliki oleh Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad, juga dikenali sebagai Minority Shareholders Watch Group (MSWG).

Isi kandungan dan pendapat yang dinyatakan di dalam buletin ini adalah berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada domain awam dan bertujuan untuk memberikan maklumat umum kepada pengguna dan adalah untuk rujukan sahaja. Usaha terbaik telah dilakukan untuk memastikan maklumat yang terkandung di dalam buletin ini adalah tepat dan terkini pada tarikh penerbitan. Walau bagaimanapun, MSWG tidak membuat sebarang waranti nyata atau tersirat atas ketepatan atau kelengkapan maklumat dan pendapat yang terkandung di dalam buletin ini. Tiada maklumat di dalam buletin ini yang bertujuan atau patut dianggap sebagai syor untuk membeli atau menjual atau jemputan untuk melanggan sekuriti tertentu, pelaburan yang berkaitan atau mana-mana instrumen kewangan.

MSWG perlu diberikan perakuan bagi mana-mana bahagian buletin ini yang diterbitkan semula.

MSWG tidak akan bertanggungjawab atau menanggung sebarang liabiliti atas kebergantungan kepada sebarang maklumat atau komen yang terkandung di dalam buletin ini atau jika ia diterbitkan semula oleh pihak ketiga. Semua pembaca atau pelabur dinasihatkan supaya mendapatkan nasihat perundangan atau nasihat profesional yang lain sebelum mengambil sebarang tindakan berdasarkan buletin ini.